



## **TEKS UCAPAN**

**YB DATO' SRI HAJAH NANCY SHUKRI  
MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT**

## **SEMPENA**

**PELANCARAN PROGRAM**

**SANTUN KASIH PEMANDIRI TERHADAP KEGANASAN RUMAH TANGGA  
(SARI@KRT): *ROAD TO ELIMINATE VIOLENCE AGAINST WOMEN (EVAW)*  
2026**

## **LOKASI / TARIKH / MASA**

**M RESORT & HOTEL, KUALA LUMPUR | 20 OGOS 2026  
(KHAMIS) | 10.00 PAGI**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,**

**Salam Sejahtera,**

**Salam Malaysia MADANI,**

**Terima kasih kepada pengacara majlis**

**SALUTASI**

## **(A) PENDAHULUAN**

1. Alhamdulillah, marilah kita bersama-sama mengucapkan syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia dan izin-Nya dapat kita bersama-sama berkumpul dalam satu majlis yang amat bermakna pada hari ini sempena **PELANCARAN PROGRAM SANTUN KASIH PEMANDIRI TERHADAP KEGANASAN RUMAH TANGGA ATAU SARI@KRT: ROAD TO ELIMINATE VIOLENCE AGAINST WOMEN (EVAW) 2026.**

2. Terlebih dahulu, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada seluruh warga KPWKM khususnya Jabatan Pembangunan Wanita, rakan-rakan strategik serta semua pihak atas komitmen menjayakan program pada hari ini. Kehadiran tuan-tuan dan puan-puan pada hari ini membawa mesej yang amat jelas, bahawa usaha mencegah dan menangani keganasan terhadap wanita menuntut kesepaduan tindakan, komitmen berterusan dan merupakan satu tanggungjawab bersama agar setiap wanita

hidup dalam persekitaran yang selamat, bermaruah dan bebas daripada sebarang bentuk keganasan.

## **(B) PENCEGAHAN PERLU BERMULA LEBIH AWAL**

Hadirin yang dihormati,

3. Keganasan rumah tangga merupakan satu bentuk jenayah dan ancaman senyap yang berupaya meruntuhkan kesejahteraan institusi keluarga, sekiranya tidak ditangani

dengan tegas. Baru-baru ini, kita dikejutkan dengan insiden tragis melibatkan seorang wanita hamil yang dipercayai dipukul oleh suaminya sehingga mengalami keguguran. Lebih menyayat hati, kes ini turut dikaitkan dengan pelaku yang pernah disabitkan kesalahan sama sebelum ini sehingga menyebabkan kecederaan serius kepada bekas isterinya.

4. Realitinya, penderaan dan keganasan dalam rumah tangga masih berleluasa dan berlaku dalam pelbagai bentuk, bukan sahaja secara fizikal, malah melibatkan penderaan emosi,

seksual dan yang terkini, keganasan kewangan dan digital sehingga memberi kesan jangka panjang terhadap mangsa, khususnya wanita dan kanak-kanak.

5. Angka tidak pernah berbohong. Statistik UN Women menunjukkan bahawa hampir **satu daripada tiga wanita** di seluruh dunia pernah mengalami keganasan fizikal atau seksual oleh pasangan sekurang-kurangnya sekali sepanjang hayat mereka. Di peringkat nasional, data Polis Diraja Malaysia telah mencatatkan sebanyak **4,014 kes keganasan rumah tangga**

**sehingga Jun 2026** di seluruh negara, berbanding **3,768 kes** bagi tempoh yang sama **pada tahun 2025**.

6. Peningkatan jumlah kes ini boleh dilihat dari dua perspektif. Pertama, statistik ini boleh ditafsirkan sebagai petanda positif bahawa semakin ramai mangsa kini berani tampil ke hadapan untuk membuat laporan dan mendapatkan bantuan berkaitan keganasan yang dialami. Kedua, hal ini turut mencerminkan tahap kesedaran masyarakat yang semakin meningkat terhadap isu keganasan rumah tangga. Namun begitu, isu

keganasan rumah tangga tetap tidak boleh dipandang ringan. Usaha perlu terus diperkukuh melalui kesedaran masyarakat, sistem sokongan serta intervensi di peringkat komuniti, agar setiap individu yang berdepan dengan insiden keganasan dapat dibantu, dilindungi dan dirujuk kepada perkhidmatan yang sewajarnya.

7. Justeru, **PROGRAM SANTUN KASIH PEMANDIRI TERHADAP KEGANASAN RUMAH TANGGA ATAU SARI@KRT** merupakan inisiatif baharu kerajaan yang memberi fokus khusus kepada

pemandiri keganasan rumah tangga. Istilah pemandiri, atau *survivor*, merujuk kepada individu yang pernah mengalami keganasan atau penderaan dan sedang melalui proses pemulihan, membina semula kehidupan serta memperkukuh keupayaan diri untuk meneruskan kehidupan dengan selamat, bermaruah dan berdikari.

8. Usaha ini adalah selaras dengan **Dasar Wanita Negara dan Pelan Tindakan Pembangunan Wanita 2025–2030**, khususnya dalam memperkukuh keselamatan dan kesejahteraan wanita.

Melalui **SARI@KRT**, komitmen dasar ini diterjemahkan kepada tindakan di peringkat komuniti menerusi advokasi, perlindungan, sokongan dan pemerkasaan pemandiri.\

## **(C) PROGRAM AKU WANITA@KRT SEBAGAI LANGKAH AWAL ROAD TO EVAW**

Hadirin yang dihormati,

9. **Program Aku Wanita@KRT** merupakan usaha advokasi di peringkat komuniti untuk memberikan pendidikan, pendedahan dan kesedaran kepada masyarakat mengenai keganasan rumah tangga. Seterusnya, advokasi ini disusuli dengan **sesi K-Chat**, iaitu intervensi psikologi secara

berkumpulan bersama kaunselor dan fasilitator terlatih. Sesi ini menyediakan ruang yang selamat untuk peserta berkongsi pengalaman, memahami kesan keganasan yang dialami serta mempelajari kaedah menangani emosi dan membina semula daya tahan diri.

10. Sehingga 7 Ogos 2026, program Aku Wanita@KRT telah menyantuni lebih daripada **3,600 peserta**, manakala **230 pemandiri telah** menerima manfaat melalui sesi K-Chat. Maklum balas positif yang diterima melalui penganjuran

program ini membuktikan bahawa kaedah pelaksanaan berpaksikan komuniti dengan memberi ruang kepada interaksi secara langsung amat penting dalam usaha meningkatkan kesedaran dan keyakinan masyarakat untuk mendapatkan bantuan.

## **(D) SARI@KRT: DARIPADA KESEDARAN KEPADA SOKONGAN DAN PEMERKASAAN**

Hadirin yang dikasihi,

11. Hari ini, kita melangkah ke fasa seterusnya melalui **SARI@KRT**. Program SARI@KRT dirancang berteraskan tiga objektif utama, iaitu:

- (a) meningkatkan kesedaran masyarakat mengenai usaha penghapusan keganasan terhadap wanita;
- (b) menyalurkan maklumat yang tepat berkaitan isu keganasan rumah tangga, hak pemandiri serta saluran bantuan dan perlindungan yang tersedia; dan
- (c) memperkuat kerjasama strategik antara agensi bagi memastikan penyampaian sokongan kepada pemandiri

dapat dilaksanakan secara lebih terselaras, menyeluruh dan berkesan.

Melalui pendekatan ini, SARI@KRT diharapkan dapat menggerakkan masyarakat daripada usaha kesedaran kepada tindakan, di samping memastikan setiap pemandiri mengetahui hak mereka dan tidak berasa bersendirian untuk mendapatkan bantuan.

10. Melalui program yang telah disusun pada hari ini seperti sesi perkongsian **“Krisis di Balik Pintu Terkunci”**, sesi bual bicara **“Genggam Kasih, Bukan Kekerasan: Memperkasa Hak Wanita”** dan **sesi sokongan psikososial K-Chat**, kita komited menyampaikan mesej yang sangat jelas. Tiada lagi mangsa yang perlu menderita dalam diam. Kita mahu membina sebuah ekosistem masyarakat yang lebih cakna, prihatin, berani bertindak, dan saling melindungi supaya setiap individu dapat hidup dalam persekitaran yang selamat dan sejahtera. Saya berharap segala ilmu dan perkongsian yang diperoleh

dapat disebarluaskan kepada keluarga, rakan serta komuniti masing-masing.

## **(E) ROAD TO EVAW: KEMPEN BERTERUSAN HINGGA 25 NOVEMBER**

Tuan-tuan dan puan-puan,

12. Pelaksanaan kempen **SARI@KRT: Road to EVAW** akan berjalan secara serentak di seluruh negara melalui pengisian pelbagai aktiviti seperti pertandingan video pendek, poster interaktif,

program melibatkan siswa, dan aktiviti promosi dengan penglibatan segenap lapisan masyarakat. Kesemua ini digerakkan untuk mencapai matlamat yang sama, iaitu membina masyarakat yang lebih peka, berani bertindak dan bersatu dalam mencegah serta menghentikan segala bentuk keganasan terhadap wanita.

13. Kementerian juga telah membangunkan pelan komunikasi bagi memperkukuh serta menyebarkan kempen menangani keganasan rumah tangga dan penghapusan

keganasan terhadap wanita melalui media massa, platform digital serta pengiklanan di lokasi strategik. Pendekatan pelbagai saluran ini penting bagi memastikan mesej pencegahan keganasan disampaikan secara meluas, konsisten dan mudah difahami oleh segenap lapisan masyarakat.

14. Kesemua usaha ini akan membawa kita menuju kemuncak **Sambutan EVAW pada 25 November 2026**, bersempena dengan **Hari Antarabangsa bagi Penghapusan Keganasan**

**terhadap Wanita.** Tarikh ini turut menandakan bermulanya Kempen 16 Hari Aktivisme Menentang Keganasan Berasaskan Gender yang berlangsung sehingga 10 Disember, sebagai simbol solidariti global dalam usaha menamatkan segala bentuk keganasan terhadap wanita dan kanak-kanak perempuan.

15. Menjelang EVAW, mari kita bersama-sama menyinari ruang bangunan dengan cahaya berwarna oren, iaitu warna yang melambangkan harapan dan masa depan yang bebas

daripada keganasan terhadap wanita. Saya ingin menggalakan Kementerian, Jabatan dan Agensi untuk bersama-sama melaksanakan **Inisiatif Pencahayaan Oren** di kesemua bangunan di seluruh negara untuk menyampaikan mesej solidariti yang sama. Apabila kita terangi bangunan dengan warna oren, kita terangi masyarakat dengan kesedaran, keberanian dan tindakan.

## **(F) KOMITMEN DAN TANGGUNGJAWAB BERSAMA**

Tuan-tuan dan puan-puan,

17. KPWKM bersama agensi di bawahnya akan terus komited membendung keganasan rumah tangga serta memastikan setiap mangsa mendapat perlindungan, pembelaan dan akses kepada bantuan yang sewajarnya. Namun, kita juga memerlukan masyarakat untuk bersama-sama bertindak.

18. Sekiranya kita melihat atau mengetahui seseorang berada dalam keadaan berisiko, jangan memilih untuk berdiam diri. Dekati mereka dengan empati, berikan maklumat yang tepat dan bantu mereka mendapatkan sokongan melalui saluran yang bersesuaian. Kepada semua rakan strategik yang hadir pada hari ini, saya berharap agar kita dapat bersama-sama memperkukuh penyampaian perkhidmatan dan memperkemas mekanisme rujukan, manakala pertubuhan masyarakat serta komuniti boleh membantu menjangkau,

mendengar dan menghubungkan wanita kepada sokongan yang tepat.

## **(G) PENUTUP**

19. Sebelum saya mengakhiri ucapan, saya ingin menyeru kepada semua yang hadir pada hari ini untuk memahami dan mengambil peluang atas inisiatif SARI@KRT ini. Jadilah masyarakat yang peka dan bawalah semangat "Berani Lapor!" ke komuniti masing-masing. Setiap laporan yang dibuat

mampu menjadi titik permulaan kepada perlindungan dan pembelaan dan keselamatan serta kesejahteraan terhadap mangsa dan keluarga.

20. Marilah kita bersama-sama bersolidariti untuk kesejahteraan serta keselamatan keluarga dan seluruh masyarakat bermula dari rumah, seperti ungkapan 'Rumahku Syurgaku'.

Dengan lafaz "Bismillahir Rahmanir Rahim", saya dengan sukacitanya merasmikan **Program Santun Kasih Pemandiri@Keganasan Rumah Tangga (SARI@KRT): Road to EVAW 2026.**

Sekian, terima kasih.

**YB DATO' SRI HAJAH NANCY SHUKRI**  
**Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat**

**20 Ogos 2026**